

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Menggunakan bajet T5 untuk penglibatan Ahli Lembaga Pengarah MPC dalam program Hari Produktiviti Bersama Komuniti Penampang
TARIKH	:	4 Mei 2019
ANGGARAN KOS TERLIBAT	:	RM47,650
JABATAN/CAWANGAN/ UNIT	:	Pejabat Ketua Pengarah
LEBIHAN PERUNTUKAN BAJET/TANDATANGAN KETUA AKAUNTAN	:	
KOMEN/TANDATANGAN PENGURUS PCT	:	

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

Tajuk:

Memohon Peruntukan Bajet T5 Bagi Penglibatan Ahli Lembaga Pengarah MPC dalam Program Hari Produktiviti Bersama Komuniti Penampang

Tujuan

Kertas cadangan ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengurusan bagi mendapatkan peruntukan untuk penglibatan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) MPC dalam Program Hari Produktiviti Bersama Komuniti Penampang dengan menggunakan bajet T5.

2.0. Latar Belakang

- 2.1 Hari Produktiviti Bersama Komuniti Penampang merupakan salah satu aktiviti di bawah *Customer Activation Programme* bagi menyebarkan mesej kepentingan produktiviti.
- 2.2 Program ini akan diadakan pada 4 Mei 2019 bertempat di Penampang, Sabah. Majlis penutupan program ini akan disempurnakan oleh YB Datuk Darell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

3.0. Justifikasi/Faedah-Faedah

- 3.1 Meningkatkan keterlibatan BOD MPC secara langsung dalam program promosi produktiviti.
- 3.2 Menyebarkan mesej produktiviti dengan lebih meluas melalui aktiviti-aktiviti bersama rakyat Penampang.

4.0 Kos atau Peruntukan Yang Terlibat

Berikut adalah anggaran kos yang terlibat:

Bil.	Perkara	Kos (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Penerbangan Kuala Lumpur – Kota Kinabalu – Kuala Lumpur			
	i) BOD (kelas perniagaan)	2,000	15	30,000
	ii) Lembaga Pengurusan (kelas perniagaan)	2,000	3	6,000
	iii) Pegawai (kelas ekonomi)	600	1	600
2.	Penginapan hotel			
	i) BOD	500	15	7,500
	ii) Lembaga Pengurusan	500	3	1,500
	iii) Pegawai	250	1	250

3.	Makan malam (<i>buffet</i> di hotel):			
	i) BOD	100	15	1,500
	ii) Lembaga Pengurusan	100	3	300
Jumlah				47,650

5.0 Penutup

Lembaga Pengurusan adalah dipohon untuk menimbang serta meluluskan cadangan bagi mendapatkan peruntukan untuk penglibatan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) MPC dalam Program Hari Produktiviti Bersama Komuniti Penampang dengan menggunakan bajet T5.

Disediakan oleh :
Siti Syafiqah Ahmad
Penolong Pengurus
Unit Urusetia Perbadanan

Disemak oleh :
Datin Roseleena Hashim
Timbalan Pengarah
Unit Urusetia Perbadanan

.....
Kamaruddin Mohamad
Pengarah
Bahagian Perancangan & Pembangunan Korporat

Tarikh : 11 April 2019